

08 MAR 2000

Rastam-Mahathir

MASA YANG SESUAI BAGI PENIAGA M'SIA MELABUR DI INDONESIA

JAKARTA, 8 Mac (Bernama) -- Keadaan politik dan keselamatan di Indonesia telah bertambah baik dengan begitu ketara berbanding dengan setahun lepas dan kini masanya mungkin sesuai bagi usahawan Malaysia untuk melabur di negara ini.

Duta Malaysia ke Indonesia, Datuk Rastam Mohd Isa berkata hari ini, Indonesia, yang mencatat pertumbuhan 1 peratus tahun lepas dan sedang menuju ke arah pemulihan ekonomi, menawarkan peluang yang banyak kepada ahli perniagaan Malaysia.

"Rusuhan dan demonstrasi yang berlaku hampir setiap hari sebelum Abdurrahman Wahid mengambil alih jawatan presiden pada Oktober lepas, kini boleh dikatakan sudah tiada lagi," katanya.

"Keadaan politik dan keselamatan sudah bertambah baik dengan begitu ketara. Malah di kawasan yang bermasalah seperti Maluku, keadaan sudah stabil."

Rastam menyatakan demikian dalam taklimat kepada wartawan Malaysia menjelang ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok untuk lawatan rasmi dua hari.

Beliau berkata fokus lawatan Dr Mahathir ialah kepada peningkatan kerjasama ekonomi dan penyertaan usahawan Malaysia dalam pemulihan ekonomi Indonesia.

Beliau berkata ahli perniagaan Malaysia yang masih berasa belum pasti mengenai Indonesia dan memilih untuk tunggu dan lihat, mungkin akan terlepas banyak peluang.

Malaysia, dengan pelaburan terkumpul US\$7.6 bilion, kini menduduki tangga ke-11 di kalangan negara pelabur asing di Indonesia.

Sebahagian besar daripada pelaburan Malaysia ialah dalam perladangan kelapa sawit di Sumatera dan Kalimantan.

Dr Mahathir diiringi delegasi "berkuasa tinggi" yang terdiri daripada empat menteri -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Juga mengiringi Perdana Menteri ialah delegasi seramai 150 ahli perniagaan yang diketuai Pengerusi MAS Tan Sri Tajudin Ramli.

Rastam berkata kerajaan Indonesia di bawah pimpinan Abdurrahman sangat berminat untuk melihat rakyat Malaysia menyertai usaha pemulihan ekonomi negara ini terutama dalam bidang-bidang seperti pelancongan dan pembangunan multi-media.

Kerajaan Indonesia yang sedang melancarkan pembaharuan dalam bidang pentadbiran juga sangat berminat untuk berkongsi kepakaran Malaysia dalam pentadbiran awam.

Presiden Abdurrahman sendiri akan menyambut ketibaan Dr Mahathir di lapangan terbang Halim Perdanakusuma pukul 10 pagi esok -- sesuatu yang lain daripada protokol biasa.

-- BERNAMA

SJ OPP NMO